



**Speech by Acting Minister for Manpower, Mr Tan Chuan-Jin, at the 11th
Anugerah Persuratan 2013 Event, on 5 October 2013 (Saturday), 3.10 pm, at
the Grand Copthorne Waterfront Hotel**

*Mr Mohamad Naim Daipi, Chairman, Anugerah Persuratan Organising
Committee,*

*Mr Zaqy Mohamad, Chairman, Bulan Bahasa Working Committee and
Member of Parliament for Chua Chu Kang GRC,*

Distinguished guests,

Ladies and gentlemen,

I am happy to be with all of you this afternoon for the Anugerah Persuratan Awards Ceremony 2013. Please allow me to say a few words in English, before continuing in Bahasa Melayu.

2 Today, we celebrate the talents of our Singaporean writers as well as take the opportunity to officially close the 2013 Malay Language Month, which was launched on 7 September at the Asian Civilisations

Museum. I understand from the organising committee that the response to this year's Malay Language Month has been very encouraging.

3 I would like to congratulate Cikgu Mohamad Naim Daipi, Chairman of the Anugerah Persuratan Committee and his committee members for organising this successful event. I also congratulate Mr Zaqy Mohamad as Chairman of the 2013 Malay Language Month, as well as his committee and partners for successfully organising the various exciting and purposeful activities through the Malay Language Month.

4 Now, please allow me to continue in Bahasa Melayu.

[END OF ENGLISH SPEECH]

[START OF MALAY SPEECH]

Pengenalan

5 Saya berasa amat besar hati kerana dapat bersama-sama hadirin pada petang ini di Majlis Anugerah Persuratan Dua Ribu Tiga Belas.

6 Anugerah Persuratan dianjurkan dengan tujuan untuk mengiktiraf penulis mapan di Singapura. Ia jugamenggalakkan para penulis agar terus berkarya dan mengiktiraf karya-karya sastera yang bermutu tinggi.

Singapura Sebagai Anggota MASTERA

7 Pada tahun lalu, Singapura telah dirasmikan sebagai Anggota Majlis Sastera Asia Tenggara, atau MASTERA. Kedudukan ini akan membuka ruang yang luas untuk lebih ramai lagi penulis kita, terutama yang muda, lebih dikenali di peringkat serantau.

8 Saya yakin bahawa Singapura akan terus berkembang sebagai bandar kosmopolitan dan peranan persuratan Melayu akan mendapat dorongan yang lebih kukuh. Saya juga yakin bahawa badan-badan

persuratan Melayu, khususnya Majlis Bahasa Melayu Singapura, mempunyai peranan yang lebih penting dalam memastikan mutu karya tinggi yang dihasilkan.

Usaha untuk memperkembangkan sastera Melayu

9 Selain MASTERA, terdapat juga usaha untuk membawa karya setempat ke seberang tambak. Contohnya, usaha bersama Universiti Sains Malaysia dan Majlis Bahasa Melayu Singapura bekerjasama menjayakan seminar sastera pada bulan Disember ini. Usaha ini akan membuka jalan untuk para sarjana memperkatakan karya-karya setempat.

10 Selain itu, terdapat juga pelbagai kegiatan persuratan yang dijalankan sepanjang tahun untuk para peminat sastera turut sama; seperti pertemuan bersama para penulis sempena Bulan Bahasa serta Pesta Penulis Singapura yang akan diadakan tidak lama lagi. Kesemua kegiatan ini akan menyemarakkan lagi arena persuratan setempat . Menerusi kegiatan-kegiata ini, saya berharap sastera Melayu di Singapura akan terus berkembang.

Anugerah Persuratan Sebagai Penutup Bulan Bahasa

11 Anugerah Persuratan juga merupakan acara penutup bagi Bulan Bahasa dua ribu tiga belas yang dilancarkan di Muzium Tamadun Asia pada tujuh September yang lalu.

12 Sambutan Bulan Bahasa tahun ini amat menggalakkan. Seramai lapan ribu orang turut menyertai acara-acara sepadu di Muzium Tamadun Asia pada minggu pelancaran. Acara-Acara Semarak di serata Singapura pada hujung minggu di bulan September juga turut disertai oleh ramai pengunjung dan peminat Bahasa Melayu dengan aktiviti seperti bengkel-bengkel bahasa, persembahan muzik dan juga ceramah yang diadakan. Tema Bahasa Ilmu, Budaya dan Mesra, mengajak kita menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dan juga memupuk cinta akan Bahasa Melayu.

13 Di sini, tidak boleh dinafikan bahawa seni persuratan juga merangkumi aspek Bahasa Ilmu, Bahasa Budaya dan juga Bahasa Mesra dalam kalangan kita.

Penutup

14 Akhir kata, tahniah kepada Cikgu Mohamad Naim Daipi, Pengerusi Jawatankuasa Anugerah Persuratan dan ahli Jawatankuasanya kerana menganjurkan majlis pada tahun ini. Tahniah juga kepada Encik Zaqy Mohamad sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa dan juga anggotanya serta rakan-rakan sokong kerana telah menjayakan aktiviti yang menarik dan berkesan sepanjang bulan ini.

15 Saya juga mengucapkan syabas kepada semua penerima Anugerah Persuratan. Semoga kejayaan anda pada hari ini menjadi inspirasi untuk terus giat berkarya dan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi.

16 Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan sekuntum pantun:

Emas benang sebagai hadiah,

Hadiah beralas kain bersegi;

Yang menang diucap tahniah;

Yang tewas, cubalah lagi. ¹

17 Sekian. Terima kasih.

¹ English translation of pantun:
"A gift of a gold thread
Presented on woven fabric,
To the winners, much congrats,
To those who didn't win, please try again."